

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
KAWASAN : PUTATAN

SOALAN:

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) status kemajuan terkini pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo, sejauh mana yang telah siap dan sedang dibina ; dan
- (b) apakah jenis-jenis "Collateral Damage" yang sering dibangkitkan oleh masyarakat terutama sekali mereka yang terbabit dengan pelaksanaan projek ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo dipecahkan mengikut negeri iaitu Sarawak dan Sabah.

Untuk Negeri Sabah, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis. Bagi pelaksanaan Fasa 1, jarak keseluruhan jalan adalah 706 km. Manakala bagi Fasa 2 dan 3 projek, jarak keseluruhan jalan masih dalam peringkat penelitian.

Bagi pelaksanaan Fasa 1 sehingga bulan Jun 2017, sebanyak 5 pakej daripada keseluruhan 35 pakej telah memulakan kerja-kerja pembinaan seperti berikut:

- (a) Pakej dari Donggongon ke Papar (11.7km); Kemajuan semasa adalah 22.34% (sebenar) berbanding 35.11% (jadual);
- (b) Pakej dari Tawau ke Semporna (5.0km); Kemajuan semasa adalah 30.20% (sebenar) berbanding 39.67% (jadual);

- (c) Pakej Lahad Datu Bypass (7.0km); Kemajuan semasa adalah 7.23% (sebenar) berbanding 14.84% (jadual);
- (d) Pakej dari Sindumin ke Kg. Melalia (28.4km); dan
- (e) Pakej dari Kg. Lot M ke Sandakan Mile 32 (18.0km) masih lagi dalam kerja-kerja pra-pembinaan.

Merujuk kepada "Collateral Damage" yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, satu kajian sosio-ekonomi sedang dijalankan mengikut kawasan pelaksanaan sebagai sebahagian daripada skop kajian Penilaian Kesan Ke Atas Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment – EIA). Hasil awal daripada kajian tersebut, pihak Kerajaan menjangkakan beberapa kesan impak akan berlaku seperti gangguan trafik, perpindahan penduduk dan pencemaran udara, bunyi dan air. Walau bagaimanapun, langkah berpatutan telah dirangka dan akan dilaksanakan sepanjang tempoh pembinaan bagi mengurangkan impak-impak yang disebutkan kepada persekitaran. Antara langkah-langkah yang masih dalam perancangan dan yang telah dilaksanakan adalah:

- (a) Pelaksanaan "Traffic Management Plan" bertujuan untuk mengurangkan gangguan trafik semasa tempoh pembinaan;
- (b) Environmental Impact Assessment telah dijalankan pada peringkat awal pelaksanaan projek untuk mengenalpasti dan mengurangkan impak terhadap alam sekitar;

- (c) Menentukan jajaran yang bersesuaian yang mengurangkan impak kepada penduduk setempat; dan
- (d) Environmental Management Plan semasa peringkat pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

Selain itu, pihak Project Delivery Partner (PDP) juga telah merangka beberapa program Corporate Social Responsibility (CSR) untuk komuniti sepanjang Projek Lebuhraya Pan Borneo.

Sekian, terima kasih.